



**PENGETAHUAN KANDUNGAN, PEDAGOGI DAN SIKAP TERHADAP
KESEDIAAN GURU DALAM PENGAJARAN PENDIDIKAN KESIHATAN
REPRODUKTIF DAN SOSIAL DI SEKOLAH MENENGAH
DI SELANGOR, MALAYSIA**

Oleh

MUHAMAD ZAIFUL BIN ZAINAL ABIDIN

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

Januari 2023

FPP 2023 6

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

PENGETAHUAN KANDUNGAN, PEDAGOGI DAN SIKAP TERHADAP KESEDIAAN GURU DALAM PENGAJARAN PENDIDIKAN KESIHATAN REPRODUKTIF DAN SOSIAL DI SEKOLAH MENENGAH DI SELANGOR, MALAYSIA

Oleh

MUHAMAD ZAIFUL BIN ZAINAL ABIDIN

Januari 2023

Pengerusi : Nasnoor Juzaily Mohd Nasiruddin, PhD
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengaruh pengetahuan kandungan, pedagogi dan sikap dengan kesediaan guru terhadap pengajaran Pendidikan Kesihatan Reproductif dan Sosial (PEERS) sekolah menengah di negeri Selangor. Responden terdiri daripada 359 guru Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan (PJPK) yang dipilih menggunakan teknik persampelan rawak berstrata berkadaran daripada 10 buah daerah yang terlibat. Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian dengan menggunakan format skala likert. Analisis kajian menunjukkan tahap kesediaan guru PJPK dalam pengajaran PEERS berada di tahap tinggi ($M = 4.10$, $SP = 0.59$). Ketiga-tiga pemboleh ubah bebas juga menunjukkan tahap yang tinggi dengan pemboleh ubah sikap ($M = 4.05$, $SP = 0.61$) dan pemboleh ubah pengetahuan kandungan dengan nilai ($M = 4.00$, $SP = 0.62$) manakala kajian juga mendapati pengetahuan pedagogi berada pada tahap tinggi ($M = 3.96$, $SP = 0.61$). Dapatan korelasi Pearson pula menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara pengetahuan kandungan ($r = .816$, $p = 0.00$), pengetahuan pedagogi ($r = .803$, $p = 0.00$) dan sikap ($r = .806$, $p = 0.00$) dengan kesediaan guru dalam pengajaran PEERS. Akhir sekali, analisis regresi kajian menunjukkan pengetahuan kandungan, pedagogi dan sikap sebagai peramal yang dapat menerangkan pemboleh ubah bersandar kesediaan guru $R Square = .755$ (75.5%) dan sikap merupakan faktor paling dominan sebagai penyumbang besar dengan 65 peratus terhadap kesediaan guru dalam pengajaran PEERS.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**CONTENT KNOWLEDGE, PEDAGOGY AND ATTITUDE WITH TEACHERS'
READINESS FOR TEACHING REPRODUCTIVE AND SOCIAL HEALTH
EDUCATION IN SELANGOR SECONDARY SCHOOL, MALAYSIA**

By

MUHAMAD ZAIFUL BIN ZAINAL ABIDIN

January 2023

Chairman : Nasnoor Juzaily Mohd Nasiruddin, PhD
Faculty : Education Studies

This study aims to examine the influence of content knowledge, pedagogy and attitudes on the readiness of teachers towards the teaching of Reproductive and Social Health Education (PEERS) in secondary schools in the state of Selangor. Respondents consisted of 359 Physical Education and Health Education (PJKP) teachers who were selected using proportionate stratified random sampling from 10 districts involved. Questionnaires were used as research instruments using likert-scale format. The analysis of the study showed that the level of readiness of PJKP teachers in teaching PEERS was at a high level ($M = 4.10$, $SP = 0.59$). The three independent variables also showed a high level with attitude variable ($M = 4.05$, $SP = 0.61$) and content knowledge variable with value ($M = 4.00$, $SP = 0.62$) while the study also found that pedagogical knowledge was at a high level ($M = 3.96$, $SP = 0.61$). Pearson correlation findings showed that there was a significant relationship between content knowledge ($r = .816$, $p = 0.00$), pedagogical knowledge ($r = .803$, $p = 0.00$) and attitude ($r = .806$, $p = 0.00$) with readiness teachers in the teaching of PEERS. Finally, the regression analysis of the study showed content knowledge, pedagogy and attitude as predictors that could explain the dependent variable of teacher readiness $R Square = .755$ (75.5%) and attitude was the most dominant factor as a major contributor with 65 percent to teacher readiness in teaching PEERS.

PENGHARGAAN

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PENGASIH DAN MAHA PENYAYANG

Syukur alhamdulillah kerana dengan rahmat dan izin-Nya membolehkan saya menjalankan kajian dengan tabah sehingga selesai. Segala rintangan dan dugaan sepanjang menyempurnakan kajian ini menjadikan saya seorang yang semakin matang dan tabah dalam menempuh segala dugaan yang mendatang. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih kepada mereka yang berkenaan.

Jutaan terima kasih yang tidak terhingga khusus buat penyelia kajian saya iaitu Dr. Nasnoor Juzaily Mohd Nasiruddin dan Dr. Shamsulariffin Samsudin atas segala ajaran, teguran dan cadangan yang membina sepanjang saya menyiapkan kajian ini. Segala ilmu yang dikongsikan tidak akan dipersiakan sehingga ke akhir hayat. Sekalung penghargaan buat para pensyarah subjek yang saya ambil iaitu Profesor Madya Dr. Suhaida Abdul Kadir, Profesor Madya Dr. Ahmad Fauzi Mohd Ayub, Profesor Dr. Aida Suraya Md. Yunus dan Dr. Normala Ismail atas bimbingan dan tunjuk ajar semasa di dalam kelas. Juga buat mentor saya, Dr. Iskandar bin Padzil jutaan terima kasih kerana sentiasa memberi nasihat, tunjuk ajar yang amat berguna dan bimbingan tanpa jemu dari mula belajar hingga kini. Tidak lupa, Dr. Noor Hamzani Farizan dan kakak sifu Puan Faezah Ghafar, terima kasih banyak kerana sentiasa meluangkan masa untuk menyemak dan menjaga kualiti penulisan saya. Moga Allah membalas segala budi dan jasa kalian semua.

Buat teman seperjuangan pengajian Sarjana, Puan Putri Asnorsalbiah binti Ahmad dan Puan Siti Zubaidah binti Mat Sakam serta Nurul Fathiyah binti Ghazali, terima kasih tidak terhingga atas tunjuk ajar, kritikan dan dorongan kalian yang tidak berbelah bahagi. Kalian bertiga adalah teman hebat yang sanggup berkongsi telinga untuk mendengar masalah, bersua muka untuk belajar serta berdebat untuk mencari penyelesaian bersama. Insya-Allah kita genggam kejayaan bersama di puncak. Semoga kita akan terus berjaya pada masa akan datang. Insya-Allah! Terima kasih juga dizahirkan buat Bahagian Tajaan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia di atas anugerah, kepercayaan dan peluang yang diberikan dalam tempoh menimba ilmu ini.

Sejuta penghargaan khusus buat bonda tercinta, Hajah Rubayah@Rajmah binti Abdul Hamid, adik beradik tersayang dan ahli keluarga yang dikasihi atas kesabaran, ketabahan, keredaan dan sokongan serta doa yang tanpa henti demi mengejar cita-cita menggenggam segulung ijazah ini.

Akhir sekali buat arwah ayah (Allahyarham Zainal Abidin bin Hussin) dan arwah pakcik (Allahyarham Baharuddin bin Shamsuddin), semoga Ayah dan Cik tenang di sana dan terima kasih atas kasih sayang yang tidak terhingga kalian berdua.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Nasnoor Juzaily Mohd Nasiruddin, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Shamsulariffin Samsudin, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 11 Mei 2023

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis iniditerbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik : Muhamad Zaiful bin Zainal Abidin

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi;

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan: Dr. Nasnoor Juzaily Mohd Nasiruddin

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Dr. Shamsulariffin Samsudin

JADUAL KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv

BAB

1	PENDAHULUAN	1
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	1
1.3	Penyataan Masalah	4
1.4	Objektif Kajian	7
1.5	Persoalan Kajian	7
1.6	Hipotesis Kajian	8
1.7	Kepentingan Kajian	8
1.8	Skop dan Batasan Kajian	9
1.9	Definisi Operasional	10
1.9.1	Kesediaan Guru	10
1.9.2	Pengetahuan	10
1.9.2.1	Pengetahuan Kandungan	11
1.9.2.2	Pengetahuan Pedagogi	11
1.9.3	Sikap	11
1.10	Rumusan	11
2	SOROTAN LITERATUR	12
2.1	Pengenalan	12
2.2	Kurikulum Pendidikan Kesihatan di Malaysia	12
2.3	Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial	14
2.4	Peruntukan Masa Pengajaran dan Pembelajaran	15
2.5	Teori dan Model yang Mendasari Kajian	16
2.5.1	Teori Perubahan Pendidikan Fullan (2001)	17
2.5.2	Model Proses Pendidikan Bryant (1974)	18
2.6	Kerangka Teoritikal Kajian	19
2.7	Kajian Lepas Berkaitan	19
2.7.1	Kajian Lepas Kesediaan Guru	20
2.7.2	Kajian Lepas Pengetahuan Kandungan Guru	20
2.7.3	Kajian Lepas Pengetahuan Pedagogi Guru	21
2.7.4	Kajian Lepas Sikap Guru	22
2.7.5	Hubungan antara Pengetahuan Kandungan dengan Kesediaan Guru	23
2.7.6	Hubungan antara Pengetahuan Pedagogi	

	dengan KesediaanGuru	23
	2.7.7 Hubungan antara Sikap dengan Kesediaan Guru	24
	2.7.8 Faktor Demografi dengan Kesediaan Guru	24
	2.7.9 Faktor yang Mempengaruhi Kesediaan Guru	26
2.8	Kerangka Konseptual Kajian	26
2.9	Rumusan	27
3	METODOLOGI KAJIAN	28
3.1	Pengenalan	28
3.2	Reka Bentuk Kajian	28
3.3	Lokasi kajian	28
3.4	Populasi Kajian	29
3.5	Sampel Kajian	29
3.6	Instrumen Kajian	31
	3.6.1 Bahagian A: Demografi Responden	32
	3.6.2 Bahagian B: Kesediaan Guru	32
	3.6.3 Bahagian C: Pengetahuan Kandungan	33
	3.6.4 Bahagian D: Pengetahuan Pedagogi	33
	3.6.5 Bahagian E: Sikap	33
	3.6.6 Penterjemahan Bahasa	34
	3.6.7 Kesahan Instrumen	34
3.7	Kajian rintis	35
3.8	Prosedur Pengumpulan Data	36
3.9	Prosedur Penganalisan Data	37
	3.9.1 Analisis Deskriptif	38
	3.9.2 Analisis Inferensi	39
	3.9.2.1 Ujian-t	40
	3.9.2.2 ANOVA Sehalu	40
	3.9.2.3 Korelasi Pearson	40
	3.9.2.4 Regresi Linear Pelbagai	40
3.10	Pembersihan dan Semakan Data	41
	3.10.1 Ujian Normaliti Bagi Taburan Data	41
	3.10.2 Ujian Normal Probability Plot (Normal Q-Q Plot)	41
	3.10.3 Ujian Lineariti	42
	3.10.4 Ujian Kehadiran Data Terpencil (<i>Outliers</i>)	43
	3.10.5 Ujian Multikolineariti	45
3.11	Rumusan	45
4	DAPATAN KAJIAN	46
4.1	Pengenalan	46
4.2	Latar Belakang Responden	46
4.3	Persoalan Kajian 1: Mengenal pasti tahap pengetahuan kandungan, pengetahuan pedagogi, sikap dan kesediaan guru dalam pengajaran PEERS	47
	4.3.1 Tahap Kesediaan Guru	48
	4.3.2 Tahap Pengetahuan Kandungan	51
	4.3.3 Tahap Pengetahuan Pedagogi	53
	4.3.4 Tahap Sikap	54
4.4	Persoalan Kajian 2: Adakah terdapat perbezaan	

	kesediaan guru Pendidikan Kesihatan berdasarkan faktor demografi?	56
	4.4.1 Perbezaan Berdasarkan Faktor Jantina	56
	4.4.2 Perbezaan Berdasarkan Faktor Kategori Sekolah	57
	4.4.3 Perbezaan Berdasarkan Faktor Umur	57
	4.4.4 Perbezaan Berdasarkan Status Perkahwinan	59
	4.4.5 Perbezaan Berdasarkan Pengalaman Mengajar	59
4.5	Persoalan Kajian 3: Adakah terdapat hubungan antara pengetahuan kandungan, pengetahuan pedagogi dan sikap dengan kesediaan guru dalam pengajaran PEERS?	61
4.6	Persoalan Kajian 4: Menentukan faktor yang mempengaruhi kesediaan guru dalam pengajaran PEERS	63
4.7	Rumusan	64
5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN	66
5.1	Pengenalan	66
5.2	Ringkasan Kajian	66
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	67
5.3.1	Tahap pengetahuan kandungan, pengetahuan pedagogi, sikap dan kesediaan guru PJKP dalam pengajaran Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS) di sekolah menengah. (Persoalan Kajian 1)	68
5.3.2	Perbezaan kesediaan guru berdasarkan faktor demografi (Jantina, Umur, Status Perkahwinan, Pengalaman Mengajar dan Kategori Sekolah). (Persoalan Kajian 2)	72
5.3.3	Hubungan antara pengetahuan kandungan, pengetahuan pedagogi dan sikap dengan kesediaan guru dalam pengajaran Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS) di sekolah menengah. (Persoalan Kajian 3)	74
5.3.4	Faktor peramal kesediaan guru dalam pengajaran Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS) di sekolah menengah. (Persoalan Kajian 4)	78
5.4	Kesimpulan	79
5.5	Implikasi	81
5.6	Cadangan terhadap Kajian Lanjutan	82
5.7	Rumusan	83
	RUJUKAN	84
	LAMPIRAN	99
	BIODATA PELAJAR	119
	PENERBITAN	120

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
2.1 Perbandingan Peruntukan Masa Pengajaran dan Pembelajaran Berkaitan Pendidikan Seks di Sekolah Menengah (Rendah dan Atas)	16
3.1 Salah Laku Disiplin (Lucah)	29
3.2 Bilangan Sampel Mengikut Pejabat Pendidikan Daerah	30
3.3 Analisis Item Mengikut Pemboleh ubah	32
3.4 Skala Likert 5 Mata	32
3.5 Taburan Item Teacher's Knowledge and Readiness Towards Implementation of School Based Assessment in Secondary School	33
3.6 Taburan Item Sikap	33
3.7 Pekali Alpha Cronbach Kajian Rintis (N=30)	35
3.8 Hubungan antara pemboleh ubah (N=30)	36
3.9 Prosedur Kajian	37
3.10 Analisis Data berdasarkan Persoalan Kajian	38
3.11 Rumusan Skor Min mengikut item	39
3.12 Rumusan Skor Min berdasarkan kategori tahap mengikut dimensi	39
3.13 Indeks Pekali (r) dan Kekuatan Hubungan	40
3.14 Nilai <i>Skewness</i> dan <i>Kurtosis</i>	41
4.1 Analisis Deskriptif Demografi (N=354)	47
4.2 Taburan Min Pemboleh ubah	48
4.3 Analisis Deskriptif Dimensi Tahap Kesediaan Guru	48
4.4 Kesediaan dalam Pelaksanaan	49
4.5 Kesediaan dalam Perkongsian Maklumat	49
4.6 Kesediaan dalam Memberi Maklum Balas	50
4.7 Kesediaan dalam Pentaksiran	50

4.8	Kesediaan dalam Pengajaran dan Pembelajaran	51
4.9	Pengetahuan Kandungan	52
4.10	Pengetahuan Pedagogi	53
4.11	Analisis Deskriptif Dimensi Sikap	54
4.12	Persepsi	54
4.13	Keyakinan	55
4.14	Inisiatif Guru	55
4.15	Ujian-t bagi Jantina	56
4.16	Ujian-t bagi kategori sekolah	57
4.17	Taburan bagi min kesediaan guru berdasarkan kumpulan umur	57
4.18	Ujian ANOVA Sehalal berdasarkan kumpulan umur	58
4.19	Ujian Berganda <i>Post Hoc Tukey HSD</i> bagi Umur	58
4.20	Taburan bagi min kesediaan guru berdasarkan status perkahwinan	59
4.21	Ujian ANOVA Sehalal berdasarkan status perkahwinan	59
4.22	Taburan bagi min kesediaan guru berdasarkan pengalaman mengajar	60
4.23	Ujian ANOVA Sehalal berdasarkan pengalaman mengajar	60
4.24	Ujian Berganda <i>Post Hoc Tukey HSD</i> bagi Pengalaman Mengajar	61
4.25	Hubungan pengetahuan kandungan, pengetahuan pedagogi dan dimensi sikap dengan kesediaan guru	61
4.26	Hubungan antara pengetahuan kandungan dengan dimensi kesediaan guru dalam pengajaran Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial	62
4.27	Hubungan antara pengetahuan pedagogi dengan dimensi kesediaan guru dalam pengajaran PEERS	62
4.28	Hubungan antara sikap dengan dimensi kesediaan guru dalam pengajaran PEERS	63
4.29	Analisis regresi pelbagai ' <i>stepwise</i> '	64

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
1	Skop Kurikulum Pendidikan Kesihatan (Sumber: DSKP, KPM)	14
2	Sejarah PEERS	15
3	Kerangka Teoritikal Kajian	19
4	Kerangka Konseptual Kajian	27
5	Grafik plot Q-Q bagi kesediaan guru	42
6	Grafik plot P-P bagi kesediaan guru	43
7	<i>Boxplot</i> bagi keempat-empat pemboleh ubah kajian	44
8	Matriks plot serakan bagi keempat-empat pemboleh ubah kajian	44
9	Ujian Multikolineariti	45

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Muka surat
A Soal Selidik	99
B Pengesahan Sebagai Pelajar	107
C Kebenaran Menjalankan Kajian	108
D Kebenaran Menggunakan Instrumen	111
E Pengesahan Pakar	113



SENARAI SINGKATAN

BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KBSM	Kurikulum Bersatu Sekolah Menengah
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PJPK	Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PEERS	Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial
SPSS	<i>Statistical Package for Social Sciences</i>

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kurikulum merupakan salah satu bahagian yang penting dan komponen utama dalam proses pendidikan. Kurikulum yang dipilih bersifat komprehensif dan inklusif yang menggabungkan semua pengetahuan, keterampilan, nilai dan norma masyarakat untuk diwariskan kepada ahli-ahlinya. Kefahaman tentang kurikulum akan mempamerkan keunggulan guru ketika melaksanakan program pendidikan untuk mencapai tujuan pendidikan (EPRD, 2017). Kurikulum pendidikan berperanan penting dalam membantu menciptakan perubahan paradigma pada setiap individu dan membantu mengembangkan nilai insan yang deduktif dan dinamik dalam segala aspek kehidupan.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (Anjakan 1: Menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa) menyarankan agar Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) disemak semula. Seiring dengan usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menetapkan satu kurikulum baharu yang dikenali sebagai Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) (PPPM, 2013). Kurikulum standard yang dibangunkan ini bertujuan supaya semua murid yang berada di dalam sistem pendidikan di Malaysia mendapat segala ilmu yang terkini dan relevan dengan perkembangan dunia (KPM, 2018). KSSM diperkenalkan untuk membantu menjadikan kurikulum kebangsaan lebih holistik dan memberikan ruang bagi murid untuk mengeksplorasi pembelajaran dengan berbagai cara yang efektif dan relevan dengan keperluan abad ke-21.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan merupakan nadi teras kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan kebanyakan negara di dunia. Maka, tidak hairanlah pendidikan menjadi aspek pencetus kepada kreativiti dan inovasi yang menjadi pelengkap kepada generasi muda masa kini. Kebanyakan penganalisis ekonomi dan dasar dunia menyatakan bahawa sektor pendidikan kunci utama kepada pembangunan negara, bangsa dan pengukuhan perpaduan (Muda, 2016). Menurut Mohammad Rasikhul Islam (2019), pendidikan adalah satu proses untuk memanusiaikan insan yang mana melalui pendidikan manusia dapat berkembang dan membangun dengan sempurna, sekali gus memenuhi tugas dan tanggungjawab sebagai manusia.

Dalam konteks pendidikan Malaysia, kurikulum yang dilaksanakan adalah satu rancangan pendidikan yang terdiri daripada aktiviti kurikulum dan kegiatan kokurikulum untuk memenuhi hasrat melahirkan warganegara yang dapat

memberi sumbangan kepada negara (Nooraini Othman et al., 2015). Elena (2015), Jamaluddin (2011) dan Zhong et al., (2019) menjelaskan bahawa kurikulum adalah penting dalam mengasah potensi individu serta dapat membina warganegara yang berilmu, berakhlak mulia, bertanggungjawab serta dapat melahirkan individu yang berupaya berdaya saing di peringkat global. Fajri (2019) pula menegaskan bahawa kurikulum merupakan satu komponen yang penting dalam pendidikan. Ia juga garis panduan yang memudahkan pelaksanaan pendidikan dalam mencapai objektif kerana ia mengawal selia semua proses pendidikan dalam institusi pendidikan bagi mencapai matlamat pendidikan. Guru merupakan pelaksana utama kurikulum dan guru memainkan peranan penting dalam memastikan murid sentiasa dididik dan didedahkan dengan kurikulum yang dinamik dalam meningkatkan kemahiran mereka (Kanafadzi & Jamaludin, 2021). Ini kerana proses pembangunan kurikulum melibatkan perancangan, pelaksanaan dan penilaian merupakan proses ini tidak pernah berakhir dan guru sentiasa bergantung padanya apabila kurikulum baharu dihasilkan (O'Neill, 2010),

Transformasi kurikulum melalui semakan kurikulum dapat didefinisikan sebagai peningkatan kurikulum dan penyusunan semula kurikulum yang memenuhi keperluan semasa abad ke-21 untuk memastikan ianya menyediakan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang relevan pada masa kini (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2018) meskipun terdapat banyak istilah yang menerangkan maksud konsep perubahan dalam pendidikan, seperti penstrukturan semula, penambahbaikan, pembaharuan (inovasi) dan juga reformasi, ia merujuk kepada satu perkara iaitu perubahan dalam institusi pendidikan sama ada melibatkan peringkat negara, negeri ataupun sekolah itu sendiri (Malaysia Education Blueprint, 2013).

Salah satu mata pelajaran yang telah melalui proses transformasi ialah Pendidikan Kesihatan. Pelaksanaan kurikulum Pendidikan Kesihatan ini adalah secara gabungan dengan kurikulum Pendidikan Jasmani mulai sesi persekolahan tahun 1999 sebagai mata pelajaran wajib sebagaimana diperuntukan dalam Akta Pendidikan 1996 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1998). Kurikulum Pendidikan Kesihatan adalah berteraskan kemahiran *life skills-based health education* yang dijalankan untuk mendidik dan menyedarkan murid agar membentuk generasi muda yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, bertanggungjawab dan berakhlak mulia seterusnya melahirkan masyarakat Malaysia yang sihat dan sejahtera bebas daripada gejala sosial yang semakin meningkat.

Kesediaan guru dapat membantu untuk membangunkan generasi muda yang proaktif, berfikiran terbuka, berpandangan jauh serta positif untuk mencapai kemajuan dan perubahan dalam abad ke-21 (KPM, 2013). Menurut Muhamad Amin dan Othman (2019), amalan pengajaran dan pembelajaran yang efektif adalah penentu kepada keberkesanan pelaksanaan kurikulum bilik darjah dan guru mestilah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang teratur, komprehensif dan menggunakan pelbagai pendekatan yang berpusatkan murid. Maka, guru perlu bersedia dengan pengetahuan berkaitan dengan

menggunakan pelbagai kaedah pengajaran dalam menyampaikan isi kandungan mata pelajaran yang diajar.

Dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Kesihatan, guru adalah individu yang bertanggungjawab kepada pembinaan kemahiran berkaitan kesihatan dan menggambarkan bagaimana unsur-unsur ini menyokong pengetahuan, keselesaan dan kemahiran. Pemerolehan pengetahuan dan kemahiran guru dengan berkesan memberikan pendidikan kesihatan dapat diperkukuhkan melalui pengembangan profesional yang merujuk kepada proses yang sistematik untuk memperkukuhkan pengetahuan, sikap dan kemahiran profesional (Szucs et al., 2020). Selaras dengan Ab Kadir (2017) yang menyatakan bahawa peranan guru adalah penting dalam pelaksanaan pemikiran yang berkesan dalam kurikulum.

Keberkesanan dan kesediaan guru dalam tugas memastikan fungsi pelaksanaan inisiatif pemikiran yang berjaya dalam pelaksanaan kurikulum. Pendapat ini menyokong dapatan Boud et al., (2016) dalam perbincangannya berkaitan proses pengajaran di sekolah yang menunjukkan bahawa sekolah dan guru adalah asas dalam penubuhan pemikiran yang berkesan dalam kurikulum. Manakala Nahar et al. (2017) pula menyatakan bahawa kesediaan guru dalam pengetahuan kandungan mata pelajaran yang diajar sangat penting dan dianggap kunci kepada proses PdP untuk murid. Guerreiro (2017) bersetuju dengan pendapat ini dengan menyatakan penguasaan pengetahuan kandungan mata pelajaran juga merupakan faktor yang mendasari pengajaran berkualiti tinggi dalam profesion perguruan dan penentu kepada keberkesanan pengajaran guru sama ada guru berjaya atau tidak dalam proses pengajaran dan keterampilan pedagogi abad ke-21 yang dilaksanakan oleh guru.

Berdasarkan model Pengetahuan Kandungan Pedagogi (PCK) yang dibina oleh Shulman (1987), pengetahuan pedagogi merupakan salah satu aspek PCK. Penyepaduan pengetahuan kandungan dan pedagogi menghasilkan pengetahuan pedagogi kandungan (PCK) ini dinyatakan dalam kajian Setyaningrum et al., (2018) dan Buschang et al., (2012) menegaskan bahawa pengetahuan kandungan dan pengetahuan pedagogi berkait rapat walaupun berlainan entiti. Walau bagaimanapun kajian Hafizan dan Anuar, (2017) mengesahkan pengetahuan kandungan merupakan faktor utama dalam pengajaran berkesan tanpa menafikan kepentingan peranan pengetahuan pedagogi kandungan.

Bagi kajian ini, pengetahuan kandungan ialah pengetahuan kandungan kurikulum dalam Pendidikan Kesihatan dan secara khususnya kurikulum PEERS. Guru perlu menguasai pengetahuan kandungan dalam mata pelajaran yang diajar mengikut perubahan terkini pendidikan, menguasai pedagogi dengan baik, selangkah ke hadapan mempersiapkan diri dengan penguasaan yang mantap serta bersikap proaktif agar lebih kreatif dan inovatif dalam kandungan kurikulum mata pelajaran (Salehudin et al., 2015). Hafizan dan Anuar (2017) pula berpendapat pengetahuan kandungan ialah konstruk yang

mewakili elemen yang menerangkan aspek pemahaman guru terhadap mata pelajaran yang diajar sebelum ia diterjemahkan sebagai aktiviti atau proses pengajaran dan pembelajaran bilik darjah.

Pengetahuan pedagogi perlu dirancang secara sistematik untuk meningkatkan kemahiran guru dalam menguruskan proses pembelajaran, rancangan pembelajaran dan penilaian mereka. Dalam konteks kajian ini, pengetahuan pedagogi merujuk kepada kecekapan guru berkaitan pengetahuan proses dan amalan dalam PdP untuk mencapai matlamat pendidikan secara keseluruhan (Noprieni et al., 2019).

Disamping itu, sikap guru terutamanya kepercayaan yang membentuknya telah menerima banyak perhatian daripada pengkaji (Instefjord & Munthe, 2017). Sikap guru terhadap profesion mempengaruhi prestasi profesional mereka. Oleh kerana kualiti pendidikan secara langsung berkaitan dengan kualiti guru, fokus perlu diberikan kepada sikap positif dan cuba mengembangkannya terhadap pengajaran mereka. Dalam kajian Şener (2015), sikap guru terhadap profesion perguruan adalah positif. Guru yang bermotivasi tinggi dan mempunyai sikap positif terhadap profesion mereka dapat menjalin hubungan yang baik dengan murid (Khuzaimah et al., 2019).

Kesimpulannya, transformasi kurikulum khususnya kurikulum PEERS yang diperkenalkan oleh KPM memerlukan semua pihak terutamanya guru pendidikan kesihatan untuk memainkan peranan penting dalam memastikan kelangsungan ilmu pendidikan kesihatan kepada murid. Dalam konteks kajian ini, kesediaan guru dalam melaksanakan kurikulum PEERS adalah faktor utama yang menjadi tunjang kepada kejayaan pelaksanaan kurikulum tersebut. Penguasaan kepada pengetahuan kandungan, pengetahuan pedagogi dan sikap menjadi indikator kepada kesediaan guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran kurikulum PEERS.

1.3 Penyataan Masalah

Pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial merupakan asas kukuh kepada perkembangan serta pembangunan insan yang sihat, berakhlak mulia dan saling hormat-menghormati. Pelaksanaan dasar ini turut mengambil kira kepelbagaian agama, budaya serta nilai hidup masyarakat di Malaysia. Namun, kecenderungan berlakunya masalah seksual dalam kalangan murid sekolah peringkat menengah amat membimbangkan. Hal ini menunjukkan penyediaan pendidikan seksualiti merupakan alternatif yang perlu diberikan perhatian (Maszlee Malik, 2021). Justeru itu, Kementerian Pendidikan Malaysia telah berusaha untuk meningkatkan kesedaran orang ramai dengan menjadikan Pendidikan Kesihatan sebagai salah satu komponen kurikulum pendidikan Malaysia. Pelan Tindakan Kesihatan Remaja Kebangsaan Malaysia (2006-2020) menyarankan pendidikan seksualiti dan kesihatan reproduktif perlu diajar pada peringkat sekolah bagi meningkatkan pengetahuan tentang seksual kesihatan reproduktif dan pengetahuan tentang *Human Immunodeficiency Virus*

(HIV)/ *Acquired Immunodeficiency Syndrome* (AIDS), sekaligus dapat mengurangkan masalah salah laku seksual remaja (Ujang & Sutan, 2018). Dalam memastikan hasrat ini tercapai dan kurikulum yang dibangunkan dapat disampaikan kepada murid di sekolah dengan berkesan, peranan guru sebagai pelaksana kurikulum perlu diutamakan. Maka, isu kesediaan guru Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan (PJPK) dalam mengajar Pendidikan Kesihatan perlu dikaji secara empirik agar hasrat KPM dalam kurikulum yang dibina tercapai.

Guru Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan merupakan agen utama dalam penyampaian kurikulum pendidikan seksualiti. Namun, terdapat segelintir guru kurang memahami serta tidak bersedia dalam mengajar kurikulum pendidikan seksualiti melalui kurikulum PEERS (Maimunah, 2019). Malah, kajian Iyaniwura (2005) dan Shariza (2017) menunjukkan lebih separuh guru tidak mempunyai pengetahuan untuk menyampaikan kurikulum seksualiti ini. Hal ini telah mengakibatkan persepsi negatif pelbagai pihak terhadap kesediaan guru PJPK dalam melaksanakan mata pelajaran tersebut (Razali et al., 2017). Kajian Khalaf et al., (2014) juga menyatakan bahawa isu seksualiti dianggap sebagai perkara negatif dalam masyarakat Malaysia.

Walaupun pada hakikatnya, kajian lepas mendapati bahawa bercakap tentang seksualiti adalah subjek tabu. Responden dalam kajian Sham et al., (2020), berpendapat bahawa pendidikan seksual perlu dibincangkan bersama anak-anak. Ini bagi memastikan anak-anak tidak terdedah kepada maklumat yang tidak tepat tentang seksual dan kesihatan reproduktif. Namun, ibu bapa yang terlibat dalam kajian tersebut menyatakan bahawa mereka juga perlu mempunyai pengetahuan yang betul sebelum mula mengedarkan sebegitu maklumat kepada anak-anak mereka.

Pengetahuan kandungan merupakan suatu pengetahuan yang penting bagi seseorang guru dalam menterjemahkan pengetahuan tersebut dan berkemahiran dalam mengajar topik-topik khusus yang ingin disampaikan (Zaidah, 2005). Guru perlu memahami dan menguasai pengetahuan kandungan kurikulum sesuatu mata pelajaran yang diajar supaya kurikulum tersebut dapat diterangkan dengan efisien (Shulman, 1987). Namun, dapatan kajian Pepita dan Savitry (2017) mendapati guru kurang pengetahuan dan tidak memahami peranan mereka dalam melaksanakan kurikulum pendidikan seksualiti secara komprehensif kepada murid. Selari dengan kajian Traoure et al., (2004) terhadap guru mengenai kesediaan mereka mengajar topik pendidikan seksualiti yang mendapati guru tidak yakin dan kurang bersedia untuk mengajar topik pendidikan seksualiti kerana kekurangan latihan, kemahiran dan tidak mengetahui metodologi untuk mengajar. Manakala, Sidze et al., (2017) menyatakan kekurangan motivasi, kemahiran dan kecekapan yang tidak mencukupi, bahan pengajaran dan pembelajaran yang tidak mencukupi, dan sukatan pelajaran yang terlalu sesak menimbulkan cabaran sedemikian.

Keberkesanan dalam pelaksanaan suatu kurikulum juga dipengaruhi oleh pengetahuan pedagogi guru. Pengetahuan pedagogi sangat penting dan perlu dikuasai oleh guru dalam melaksanakan kurikulum bagi membantu mencapai potensi penuh murid untuk menghadapi cabaran yang lebih kompleks (Guerreiro, 2017). Guru di Malaysia didapati tidak bersedia untuk mengajar topik berkaitan seksualiti kerana tidak mempunyai pengetahuan khusus dan tidak terlatih untuk menerangkan topik dengan cara yang betul (Yee Shan, 2019). Pengetahuan pedagogi yang tidak dikuasai mengakibatkan pelan pembangunan pembelajaran guru yang dirancang tidak mengikut reka bentuk pembelajaran yang dihasratkan (Novita et al., 2020). Oleh itu, kajian perlu dilaksanakan bagi mendapatkan maklumat yang tepat mengenai tahap pengetahuan kandungan dan pengetahuan pedagogi guru agar maklumat yang tepat dapat disampaikan semasa PdP.

Sebagai seorang pendidik, sikap merupakan elemen yang cukup signifikan terhadap kesediaan guru dalam menerima dan melaksanakan sesuatu perubahan kurikulum. Sikap profesional guru PJKK perlu diberi keutamaan dalam melaksanakan kurikulum pendidikan seksualiti memandangkan pelbagai isu sensitif terpaksa disentuh sepanjang pembelajaran. Kajian Shariza (2017) mendapati guru masih tidak selesa dan bersikap konservatif untuk menyampaikan maklumat berkaitan seksualiti kepada anak murid kerana kekurangan pengetahuan tentang pendidikan seksualiti, tidak bersedia dan tidak yakin untuk mengajar. Sikap profesional guru perlu dibentuk agar guru merasa yakin dan selesa dalam melaksanakan PdP kerana ia merupakan kunci kejayaan sesuatu PdP disamping sokongan daripada pihak pentadbir (Cardina & Fegley, 2016). Oleh yang demikian, faktor sikap ini perlu dikaji untuk melihat hubungannya dengan kesediaan guru dalam pengajaran kurikulum PEERS.

Penggubalan dasar baharu sistem pendidikan di Malaysia dalam kurikulum PEERS adalah berlandaskan keperluan pembentukan negara dalam melahirkan keberhasilan murid yang positif dan berakhlak mulia dengan penerapan nilai-nilai murni untuk melahirkan pewaris negara yang berkualiti dan bertanggungjawab. Hal ini kerana seksualiti adalah sebahagian daripada kehidupan; komponen kesihatan, pertumbuhan fizikal, perkembangan mental dan elemen pergaulan bagi setiap manusia (Razali et al., 2017). Kegagalan pelaksanaan kurikulum Pendidikan Kesihatan menyebabkan murid tidak mempunyai kemahiran menangani arus gejala dan pengaruh negatif yang sering melanda masyarakat hari ini seperti penagihan dadah, masalah disiplin, vandalisme, tingkah laku seksual yang berisiko, kongsi gelap dan pelbagai masalah sosial yang lain (Friedman & Hoffman-Goetz, 2008).

Maka, kesediaan guru PJKK dalam menyampaikan kurikulum PEERS terutamanya selepas Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) bertukar kepada kurikulum baharu iaitu Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) perlu dilaksanakan bagi melihat faktor dominan yang mempengaruhi kesediaan guru PJKK dalam pengajaran kurikulum PEERS dan keberkesanannya. Sehubungan itu, kajian khusus yang berfokuskan kepada aspek pengetahuan kandungan, pengetahuan pedagogi dan sikap adalah perlu

dilaksanakan bagi melihat impaknya kepada kesediaan guru dalam PdP kurikulum PEERS.

1.4 Objektif Kajian

Secara umumnya, matlamat kajian ini adalah untuk mengenal pasti kesediaan guru Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan (PJPK) dari aspek pengetahuan kandungan, pengetahuan pedagogi dan sikap dalam pengajaran Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS).

Objektif khusus kajian ini ialah:

1. Mengetahui tahap pengetahuan kandungan, pengetahuan pedagogi, sikap dan kesediaan guru PJPK dalam melaksanakan kurikulum PEERS di sekolah menengah Selangor.
2. Menentukan perbezaan tahap kesediaan guru PJPK berdasarkan faktordemografi iaitu jantina, umur, status perkahwinan, pengalaman mengajar dan kategori sekolah.
3. Menentukan hubungan antara pengetahuan kandungan, pengetahuan pedagogi dan sikap dengan kesediaan guru PJPK dalam pengajaran Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS) di sekolah menengah.
4. Menentukan faktor pengetahuan kandungan, pengetahuan pedagogi atau sikap yang mempengaruhi tahap kesediaan guru PJPK dalam pengajaran Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS) di sekolah menengah.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan yang diketengahkan dalam kajian ini adalah;

1. Apakah tahap pengetahuan kandungan, pengetahuan pedagogi, sikap dan kesediaan guru PJPK dalam pengajaran Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS) di sekolah menengah?
2. Adakah terdapat perbezaan signifikan tahap kesediaan guru PJPK berdasarkan faktor demografi iaitu jantina, umur, status perkahwinan, pengalaman mengajar dan kategori sekolah?
3. Adakah terdapat hubungan antara pengetahuan kandungan, pengetahuan pedagogi dan sikap dengan kesediaan guru PJPK dalam pengajaran Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS) di sekolah menengah?
4. Apakah faktor pengetahuan kandungan, pengetahuan pedagogi atau sikap yang mempengaruhi kesediaan guru PJPK dalam pengajaran

5. Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS) di sekolah menengah?

1.6 Hipotesis Kajian

Ho1: Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan tahap kesediaan guru PJKK berdasarkan jantina.

Ho2: Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan tahap kesediaan guru PJKK berdasarkan umur.

Ho3: Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan tahap kesediaan guru PJKK berdasarkan status perkahwinan.

Ho4: Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan tahap kesediaan guru PJKK berdasarkan pengalaman mengajar.

Ho5: Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan tahap kesediaan guru PJKK berdasarkan kategori sekolah.

Ho6: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara pengetahuan kandungan, pengetahuan pedagogi dan sikap dengan kesediaan guru PJKK dalam pengajaran Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS) di sekolah menengah.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian tentang kesediaan guru PJKK dalam pengajaran kurikulum PEERS dapat memberi manfaat kepada guru secara langsung. Kajian ini penting supaya guru PJKK dapat bersedia dari aspek pengetahuan, mental dan fizikal untuk mendepani cabaran dalam pelaksanaan kurikulum baharu.

Hasil kajian ini akan memberi implikasi penting kepada guru PJKK kerana ia dapat melihat sejauh mana tahap pengetahuan, pedagogi dan sikap mereka terhadap kurikulum PEERS dalam pelaksanaan PdP. Dapatan kajian ini juga akan memberikan nilai tambah kepada aspek pengetahuan guru PJKK dari segi pemahaman kandungan kurikulum dan pedagogi kurikulum PEERS. Kajian ini juga dapat membantu guru untuk berfikir secara kreatif dan kritis semasa PdP dalam kurikulum PEERS. Oleh itu, guru PJKK dapat merancang dan mengaplikasikan kaedah pengajaran yang bersesuaian selain dapat menimbulkan kesedaran kepada sikap guru secara sendiri untuk lebih bersedia dan sentiasa berfikiran terbuka dalam menerima dan mempertingkatkan pengetahuan serta kemahiran terkini apabila berlaku perubahan dalam kurikulum yang hendak disampaikan.

Kajian ini juga dapat memberikan situasi dan gambaran sebenar bagaimana pelaksanaan kurikulum PEERS dalam sistem pendidikan di Malaysia. Hal ini

dapat membantu Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), KPM untuk menilai semula kandungan DSKP Pendidikan Kesihatan dan mencadangkan strategi pengajaran dan pembelajaran kurikulum tersebut. Input yang diperoleh melalui kajian ini dapat membantu BPK, KPM untuk membangunkan kurikulum masa hadapan yang berkualiti dan kekal relevan serta memberi impak dalam kehidupan murid.

Dapatan kajian ini boleh dijadikan sebagai sumber berinformasi yang boleh dijadikan landasan kepada pihak pentadbir sekolah khususnya panitia Pendidikan Kesihatan dalam perancangan, pelaksanaan dan pentaksiran sebagai rujukan untuk mengenal pasti, menilai dan membezakan kekuatan dan kelemahan dalam mengendalikan proses PdP Pendidikan Kesihatan. Guru PJKP juga diharap dapat mengambil inisiatif daripada kajian ini sebagai rujukan untuk merancang dan melaksanakan PdP Pendidikan Kesihatan dengan daya kreativiti yang berkesan.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dapat bertindak dengan lebih baik untuk meningkatkan pengetahuan melalui program latihan yang bertujuan mencapai maksud dan tujuan dalam memberikan bimbingan dan panduan kepada guru PJKP. Semua program latihan perkembangan profesionalisme dapat dirancang dengan sebaik-baiknya agar hasilnya dapat meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan sikap guru PJKP. Latihan yang tepat dan bersesuaian untuk guru PJKP dapat dilakukan untuk meningkatkan pemahaman dan kemampuan mereka dalam memilih metod pengajaran yang akan meningkatkan kemampuan berfikir dalam kalangan murid dan sesuai dengan topik yang disampaikan. Hasil penelitian ini dapat menjadi acuan dan sumber rujukan untuk penambahbaikan program latihan agar pelaksanaannya lebih efektif.

1.8 Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini dibuat berdasarkan kurikulum PEERS dalam kandungan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Kesihatan, Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dan skop kajian ini hanya tertumpu kepada tahap kesediaan guru dari aspek pengetahuan kandungan, pengetahuan pedagogi dan sikap dalam pengajaran kurikulum PEERS. Oleh yang demikian, topik pendidikan kesihatan yang lain tidak akan disentuh dalam kajian ini dan dapatan kajian tidak boleh digeneralisasikan kepada semua topik dalam kurikulum pendidikan kesihatan.

Tambahan, skop PEERS yang dikaji hanya melibatkan kandungan KSSM Pendidikan Kesihatan yang memberi penekanan kepada kemahiran kecekapan psikososial yang mencakupi aspek perkembangan seksual sekunder dan pengaruh multimedia kepada tingkah laku seksual berisiko, identiti seksual, orientasi seksual, kehormatan diri, keselamatan diri daripada gangguan seksual dan penderaan seksual serta risiko, identiti gender, peranan gender, kemahiran

membuat keputusan untuk menangani tingkah laku seksual dan hubungan seks sebelum nikah sahaja.

